



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Resources and Technology Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2081 7777
Fax: 603-2081 7788

SPM ✓

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-6/1/2 Jld.2 (94)

Tarikh: 24 Mac 2022
21 Syaaban 1443

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(seperti Senarai Edaran)

Tuan,

**SKIM PINJAMAN BUKU TEKS:
PEMULANGAN DAN AGIHAN BUKU TEKS BAGI MURID YANG BERPINDAH SEKOLAH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat isu kekurangan buku teks di sekolah disebabkan perpindahan murid sama ada melibatkan perpindahan sekolah di dalam daerah, antara daerah, ataupun perpindahan antara negeri. Di samping itu, terdapat juga kekeliruan mengenai sekolah yang bertanggungjawab terhadap pemulangan dan agihan buku teks bagi murid berkenaan. Bagi memastikan tidak berlakunya kekeliruan dan memudahkan urusan pemulangan dan agihan buku teks murid yang berpindah sekolah, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) telah menambah baik surat KP.BT.8945/Jld.19/(65) bertarikh 9 April 2004. Sehubungan dengan itu, kaedah pemulangan dan agihan buku teks bagi murid yang berpindah sekolah boleh dilakukan seperti berikut:

- i. Bagi murid yang berpindah sekolah dan telah menerima buku teks serta buku aktiviti (untuk mata pelajaran yang mempunyai buku aktiviti), pihak sekolah asal hendaklah membenarkan murid tersebut membawa buku teks dan buku aktiviti bersama-sama ke sekolah baharu dan buku teks tersebut dipulangkan di sekolah baharu. Sekolah asal hendaklah mengemas kini maklumat stok buku keluar dan sekolah baharu mengemas kini stok buku masuk di dalam Buku Stok SPBT.
- ii. Bagi murid yang berpindah sekolah dan belum menerima buku teks serta buku aktiviti daripada sekolah asal, sekolah baharu dikehendaki menyediakan buku teks dan buku aktiviti (untuk mata pelajaran yang mempunyai buku aktiviti) untuk murid tersebut.
- iii. Bagi murid yang berpindah masuk dari sekolah swasta pula, sekolah baharu dikehendaki menyediakan buku teks dan buku aktiviti (untuk mata pelajaran yang mempunyai buku aktiviti) untuk murid tersebut.

3. Pihak sekolah baharu yang menerima kemasukan murid tersebut boleh menggunakan stok buku teks dan buku aktiviti sedia ada yang terdapat di sekolah untuk diagihkan kepada murid berkenaan. Sekiranya stok buku teks dan buku aktiviti sedia ada di sekolah tidak mencukupi, pihak sekolah hendaklah menghubungi Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing bagi mendapatkan bekalan buku teks dan buku aktiviti tersebut.

4. Kebenaran murid membawa buku teks ke sekolah baharu juga boleh dirujuk pada **Buku Panduan Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks Edisi Keempat**, muka surat 8 di bawah tajuk **Perpindahan Murid**. Bersama-sama ini disertakan cabutan Buku Panduan Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks Edisi Keempat muka surat 8 untuk rujukan seperti pada Lampiran 1.

5. Pihak tuan adalah dimohon untuk memanjangkan kandungan surat ini kepada sekolah-sekolah di bawah pentadbiran tuan.

6. Maklumat lanjut berkaitan perkara di atas boleh diperoleh daripada:

- En. Abd Razak bin Mohamad Yusof (03-88844312)
- En. Azlan Syazani bin Adanan (03-88844530)
- Cik Siti Aishah binti Abdul Ghani (03-88844300)


Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZNAH BINTI ABU BAKAR A.N.S., P.M.C.)

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

ARMY/SPBT/agihpulangbt022

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS	
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU	
TPM	Untuk Tindakan
KPP NEM	Untuk Perhatian
KPP PBM	Untuk Makluman
KPP P.KOKU	Untuk Fail
P. PENGARAH	
Ruan Roshana	
KPT	
28/3	
Tarikh	TPM SPM

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU	
UNTUK PERHATIAN PENGARAH	
TPP S4PD	Untuk Tindakan
TPP SPS	Untuk Perhatian
TPP SPM	Untuk Makluman
TPP SP	Untuk Perbincangan
KPPK SPI	Untuk Semakan
KPPK SPK	Untuk Edaran
KPPK SSM	Untuk Fail
KPPK SIP	
KPPK SPU	
KPP SSTP	
KPP SPMT	
KPP SPP	
KPP SI	
KKPN SPsK	
PA	
CATATAN:	
28/3	hph
TARIKH	PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Senarai Edaran

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
(u.p.: Puan Ainun Kamaliyah binti Kamarul Zaman
Penolong Pengarah HEM, JPN Perlis)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
(u.p.: Puan Nurul 'Aini binti Ahmad
Penolong Pengarah HEM, JPN Kedah
Encik Khairul Rizan bin Abd Khalib
Penolong Pengarah HEM, JPN Kedah)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Pulau Pinang
(u.p.: Puan Virawati binti Johari
Penolong Pengarah HEM, JPN Pulau Pinang)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
(u.p.: Encik Khairil Anwar bin Yacob@Yaakub
Penolong Pengarah HEM, JPN Perak
Encik Ahmad Sabry bin Chik
Penolong Pengarah HEM, JPN Perak)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
(u.p.: Puan Noraslina binti Abdul Wahab
Penolong Pengarah HEM, JPN Selangor
Puan Latifah binti Abd. Latif
Penolong Pengarah HEM, JPN Selangor)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
(u.p.: Encik Mohd Faizal bin Ismail
Penolong Pengarah HEM, JPWP Kuala Lumpur)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
(u.p.: Puan Nor Mazni binti Mohamad Aini
Penolong Pengarah HEM, JPWP Putrajaya)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
(u.p.: Puan Nurkhidayah binti Baharuddin
Penolong Pengarah HEM, JPN Negeri Sembilan)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
(u.p.: Puan Zuraidah binti Zakaria
Penolong Pengarah HEM, JPN Melaka)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
(u.p.: Puan Nur Anida binti Ismail
Penolong Pengarah HEM, JPN Johor
Encik Sharunizam bin Maskan
Penolong Pengarah HEM, JPN Johor)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
(u.p.: Encik Mohd Ridzwan bin Abd. Rahman
Penolong Pengarah HEM, JPN Pahang)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
(u.p.: Cik Roshana binti Ibrahim
Penolong Pengarah HEM, JPN Terengganu)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
(u.p.: Encik Mohd Hafizan bin Latif
Penolong Pengarah HEM, JPN Kelantan
Encik Irana'an bin Ibrahim
Penolong Pengarah HEM, JPN Kelantan)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
(u.p.: Puan Pazidah binti Tawar
Penolong Pengarah HEM, JPN Sabah
Puan Nasmah Sikin
Penolong Pengarah HEM, JPN Sabah)

KPM.600-6/1/2 Jld.2 (94)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

(u.p.: Puan Norliza binti Budin

Penolong Pengarah HEM, JPN Sarawak

Puan Norazah binti Mohamad Sharkawi

Penolong Pengarah HEM, JPN Sarawak)

Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

(u.p.: Encik Mohamad bin Pindut

Penolong Pengarah SBT, JPWP Labuan)

Lampiran 1

Bil	Perkara	Keterangan
1	Perpindahan dalam negeri dan antara negeri.	Murid dikehendaki membawa bersama buku teks dan buku aktiviti yang sama penggunaannya bersama surat iringan berkaitan buku teks dari sekolah asal (rujuk Lampiran 4 – Makluman Perpindahan Murid dan Buku Teks SPBT).
2	Pertukaran ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Maktab Tentera Diraja (MTD) atau sekolah swasta.	Murid dikehendaki memulangkan semua buku teks SPBT di sekolah asal.
3	Pertukaran murid Sekolah Kebangsaan (SK) ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) atau sebaliknya.	Murid dikehendaki membawa buku teks yang sama penggunaan sahaja dan perlu memulangkan buku teks SPBT yang tidak sama penggunaannya di sekolah asal.
4	Pertukaran ke Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau sebaliknya.	Murid membawa semua buku teks SPBT.
5	Pertukaran ke Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau sebaliknya.	Murid dikehendaki membawa buku teks SPBT yang sama penggunaan sahaja.
6	Pertukaran ke Kolej Vokasional.	Murid perlu memulangkan semua buku teks kecuali buku teks Bahasa Melayu dan Komponen Sastera (KOMSAS).

Nota:

Pihak sekolah hendaklah membenarkan murid yang berpindah sekolah membawa bersama-sama buku teks ke sekolah baharu kecuali bagi buku teks yang tidak sama penggunaan (rujuk Lampiran 5 - Skim Pinjaman Buku Teks. Perpindahan Murid Dalam Zon Pengedaran/Penggunaan Buku Teks Yang Sama).